

09/09/2002

Globalisasi terancam jika negara maju kuasai ekonomi

PULAU PANGKOR, Ahad - Globalisasi akan menjadi sistem yang mirip apartheid jika kehendak majoriti tidak dipenuhi dan negara maju terus ghairah menguasai ekonomi antarabangsa tanpa memberi peluang kepada negara membangun dan negara dunia ketiga berkongsi pasaran bagi mendapatkan pelaburan langsung asing (FDI).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata globalisasi tidak wajar diterjemah sebagai pengaliran bebas dana keluar masuk ke sesebuah negara kerana ia tidak mungkin mencapai matlamat mengagihkan kekayaan dunia secara saksama memandangkan negara miskin akan ketinggalan berikutan kekurangan daya saing.

"Tidak dinafikan bahawa pengaliran masuk dana amat bermanfaat kepada sesebuah negara tetapi sebaliknya, pengaliran keluar dana yang besar secara mendadak mampu menghancurkan ekonomi negara berkenaan, malah menggugat kesejahteraan sosial dan politik mereka.

"Jika globalisasi dan FDI bertujuan memanfaatkan negara miskin, ia perlu dikawal selia dengan mengambil kira kelemahan dan kesan terhadap negara berkenaan," kata Perdana Menteri.

Justeru, aliran keluar masuk dana secara bebas tidak wajar dibenarkan. Manipulasi serta spekulasi mata wang dan pasaran saham perlu diharamkan kerana ia mampu menghancurkan ekonomi yang kukuh sekali pun.

"Ini boleh diatasi sekiranya negara pengeluar dana atau pengeksport teknologi tertentu peka dengan tahap pembangunan serta kemampuan negara penerima, termasuk menghormati cara pemerintahan dan budaya rakyat mereka," katanya ketika menyampaikan ucapan penutup Forum Kepemimpinan Global Asia, di sini hari ini.

Forum tiga hari bermula Jumaat lalu itu mengumpulkan kira-kira 180 peserta untuk membincangkan cabaran baru sejagat selepas tragedi 11 September lalu di Amerika Syarikat, khususnya mengenai ancaman keganasan global yang menjadi persoalan utama dunia masa kini.

Dr Mahathir berkata, dunia kini semakin kecil dan kian mengecil berikutan globalisasi dengan rangkaian perhubungan dan pengangkutan menjadi semakin pantas dan mudah sekali gus menjadikan dunia sebagai sebuah perkampungan global di mana tindakan sebuah negara berkemungkinan lebih tinggi membawa kesan kepada yang lain.

Justeru, katanya penindasan dan monopoli sesama negara harus dielakkan sama sekali kerana ia mencetuskan rasa marah, putus asa dan dendam, yang menjadi punca berlaku keganasan kerana rakyat yang tidak berdosa terpaksa merana atau berlapar akibat sekatan ekonomi yang dilakukan sesebuah negara.

Jelas Dr Mahathir, kekayaan dunia masih belum diagih secara seimbang kerana masih banyak negara yang mempunyai aset melebihi keperluan manakala lebih banyak lagi amat memerlukannya tetapi sifat inginkan monopoli pasaran dan keengganan berkongsi pembangunan mewujudkan jurang yang besar dalam perkampungan global sekarang.

"Menyedari hakikat ini, Malaysia selepas merdeka membuka pintunya kepada pelabur asing yang mempunyai kepakaran dan kemampuan membangunkan ekonomi di sini daripada berasaskan pertanian kepada perindustrian tetapi kita juga perlu mengadakan beberapa syarat bagi melindungi kepentingan rakyat dan negara sendiri.

"Bagaimanapun, kita pastikan mereka mendapat keuntungan yang memadai manakala perniagaan usahawan tempatan pula terjamin tidak terjejas kerana

industri yang dibawa pelabur asing adalah berbeza dan tidak menjadi saingan kepada sektor tempatan sebaliknya, mendapat manfaat dari segi pertukaran teknologi dan tenaga kerja terlatih," katanya.

Bagaimanapun, jelas Dr Mahathir, Malaysia belum bersedia melonggarkan syarat sedia ada kerana ia akan menjejaskan daya saing negara apabila globalisasi dan liberalisasi menjadi amalan dunia dan semakin banyak syarikat multinasional gergasi memulakan operasi di sini.